

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

28 JULAI 2020

.....

**1. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD
(STANDARD OPERATING PROCEDURE)**

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid -19 . Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Kita masih berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020.

Saya ingin menegaskan bahawa Seberang Perai dan Malaysia amnya tidak mampu untuk diisytiharkan PKP sepenuhnya sekali lagi, industri akan lumpuh, peniaga jalanan tiada pendapatan, perniagaan terpaksa ditutup, MBSP dan pejabat Kerajaan ditutup.

Situasi yang tidak diinginkan ini akan menyebabkan suasana sosial ekonomi yang lebih parah. Saya menyeru seluruh penduduk Seberang Perai memahami dan mematuhi SOP.

2. SELAMAT MENYAMBUT MAAL HIJRAH 1442H

Awal Muhharam atau Maal Hijrah merupakan suatu hari yang penting bagi umat Islam kerana menandakan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu memperingati penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W. dari Kota Makkah ke Kota Madinah pada tahun 622M. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Awal Muharram 1442 Hijrah iaitu bersamaan 20 Ogos 2020 (Khamis). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

3. PROMOSI CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA TAHUN 2020 KHAS BAGI PEMBAYARAN SECARA ONLINE, MELALUI AGENSI KUTIPAN DAN KIOSK PAYLINK

Dimaklumkan bahawa Promosi Cukai Taksiran Penggal Kedua Tahun 2020 bermula pada 1 Julai 2020 dan akan tamat pada 31

Ogos 2020. Promosi ini diadakan istimewa kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai sebagai insentif dan galakan supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dengan kadar segera khusus untuk pembayaran secara online, melalui agensi yang dilantik serta kiosk Paylink Global.

Syarat-syarat penyertaan bagi promosi cukai taksiran penggal kedua tahun 2020 ini adalah seperti berikut:-

- a. Promosi ini khusus kepada pembayaran cukai taksiran yang dibuat sepenuhnya secara '**ONLINE, MELALUI AGENSI KUTIPAN DAN KIOSK SAHAJA**'
- b. Cukai taksiran tahun 2020 hendaklah dijelaskan sepenuhnya berserta tunggakan sekiranya jika ada.
- c. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Ogos 2020.
- d. Senarai saluran pembayaran yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran A**.

Sebanyak lima (5) hadiah cabutan bertuah telah disediakan bagi promosi cukai taksiran penggal kedua tahun 2020 dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut :

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM7,000
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM1,000

Saya menyeru kepada semua pemilik premis agar segera membuat bayaran cukai taksiran penggal kedua bagi tahun 2020 berserta tunggakan (jika ada) secara online, bagi melayakkan anda terpilih untuk cabutan bertuah.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web <https://mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di waran@mbsp.gov.my

4. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-63

Tema “Malaysia Prihatin” dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini. Logo berbentuk hati dengan warna Jalur Gemilang,

melambangkan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

“Malaysia” membawa pengertian seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi pandemik COVID -19, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan. “Prihatin” pula mewakili keprihatinan kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan serta kelangsungan hidup rakyat Malaysia. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM 5,578,000.00 melalui Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan Covid-19) Fasa 1 dan 2 untuk disalurkan kepada peniaga kecil Seberang Perai. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-63 pada 31 Ogos 2020 (Isnin) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari kelelasan am.

5. JADUAL KUTIPAN SAMPAH SEMASA PERAYAAN AIDIL ADHA 2020

Dimaklumkan bahawa pada 30 Julai 2020 (Khamis), terdapat **penambahan** kutipan sampah domestik yang akan dibuat iaitu sebanyak dua (2) kali iaitu;

i. **Syif Pertama** dari jam 7.00 pagi hingga 4.00 petang

- Kutipan dari rumah ke rumah (Skim Perumahan), Tong Komunal dan Roro (Jadual B & C)

ii. **Syif Kedua** dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam. Kutipan hanya akan dibuat di Tong Komunal dan Roro sahaja.

Ringkasan Jadual Kutipan Sampah Sempena Aidil Adha 2020

Tarikh	Waktu	Catatan
30.07.2020 (Khamis)	7.00 pagi – 4.00 petang	Jadual Biasa (Jadual B & C)
	5.00 petang – 10.00 malam	Jadual Tambahan (Kutipan dari Tong Komunal dan Roro sahaja)
31.07.2020 (Jumaat)	3.00 petang – selesai	Jadual Pindaan (Jadual A & C)
01.08.2020 (Sabtu)	7.00 pagi – 4.00 petang	Jadual Biasa (Jadual B & C)
02.08.2020 (Ahad)	7.00 pagi – 4.00 petang	Jadual Biasa (Jadual C)

Nota : Jadual A : Isnin, Rabu, Jumaat

 Jadual B : Selasa, Khamis, Sabtu

 Jadual C : Setiap Hari (Tong Komunal dan Roro)

Pada 31 Julai 2020 (Jumaat) terdapat **pindaan** iaitu kutipan sampah domestik akan bermula pada jam 3.00 petang. Perubahan waktu kutipan ini adalah bertujuan memberi ruang kepada pekerja yang beragama Islam sama ada di MBSP, Stesen Pemindahan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung untuk menunaikan Solat Sunat Hari Raya Aidil Adha dan Solat Fardu Jumaat.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

LAMPIRAN A

- **SALURAN BAYARAN SECARA ONLINE / AGENSI KUTIPAN / KIOSK ADALAH SEPERTI BERIKUT :-**

- ✓ Laman web MBSP : <https://mbsp.gov.my> (MBSPPay)

- ✓ Laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang :
<https://ebayar.penang.gov.my>

- ✓ Perbankan Internet:

1. Bank Islam Malaysia Berhad
2. Maybank
3. Alliance Bank
4. Ambank
5. RHB Bank
6. BSN
7. Affin Bank
8. Public Bank
9. Bank Muamalat
10. Agro Bank
11. CIMB Bank
12. HSBC
13. MBF Cards (Ambank)
14. Jompay

- ✓ Kiosk PayLink Global Seluruh Malaysia

✓ Manakala senarai agensi kutipan kaunter yang sah dilantik MBSP adalah seperti berikut **(5 agensi)** :-

1. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
2. Bank Rakyat
3. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)
4. Pos Malaysia (seluruh Negeri Pulau Pinang Sahaja)
5. Pejabat Daerah dan Tanah (Seluruh Negeri Pulau Pinang Sahaja)